

MCA mungkin pecat dua Ahli Dewan Undangan Negeri

UM 1 DEC 2002

KUCHING 30 Nov. — Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik hari ini membayangkan parti itu akan memecat dua Ahli Dewan Undangan Negerinya yang mengambil sikap berkecuai ketika mengundi usul DAP pada persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang minggu lalu.

Katanya, MCA telah pun mengambil tindakan yang diperlukan untuk mengendalikannya kes melibatkan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Datuk Keramat, Lim Boo Chang dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Jawi, Tan Cheng Liang yang dianggap melanggar disiplin parti kerana mengamalkan sikap berkecuai tersebut.

"Kami sentiasa mendengar nasihat rakan-rakan kami dalam Barisan Nasional (BN)," katanya kepada pemberita di sini setibanya selepas mengadakan lawatan ke Lapangan Terbang Bintulu.

Liong Sik yang juga Menteri Pengangkutan berkata, MCA pada masa ini memutuskan untuk mendengar pandangan daripada rakan-rakan parti komponen BN lain berhubung perkara itu.

"Saya ada ditanya mengenai nasihat

UMNO bagaimana saya harus hadapi masalah ini, jadi reaksi saya ialah kita (MCA) sentiasa mendengar pandangan rakan kita (parti BN lain).

"Ini kerana BN adalah sebuah keluarga yang besar dan kita sentiasa dengar (pandangan) dan nasihat yang baik," katanya.

Ditanya mengenai desakan termasuk daripada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya MCA memecat dua ADUN terbabit, Liong Sik berkata, beliau sanggup mendengar nasihat parti lain dalam BN.

Mengenai tinjauannya ke Lapangan Terbang Bintulu, Liong Sik berkata, beliau sangat gembira dengan perjalanan pembinaan lapangan baru itu yang mempunyai landasan terpanjang di Borneo iaitu sejauh 2,750 meter.

Beliau menyifatkan perasmian lapangan terbang itu yang bakal disempurnakan oleh Perdana Menteri pada 19 Disember ini merupakan detik paling bersejarah bagi Sarawak dan khususnya Bintulu.

"Kita nampak lapangan terbang ini mampu menampung pesawat Boeing 747 berbanding sebelum ini hanya untuk pesawat jenis Fokker," katanya.